



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2014 SESSION**

SUBJECT CODE : MPU 3123
SUBJECT TITLE : TAMADUN ISLAM DAN ASIA (TITAS)
LEVEL : BACHELOR
TIME / DURATION :
(2 HOURS)
DATE :

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of **ONE (1)** section.
 6. Answer all questions.
-

THERE ARE 12 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan. HITAMKAN jawapan yang betul.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Secara ringkasnya, tamadun boleh dilihat sebagai pencapaian.
 - A. budaya tinggi dari segi politik, ekonomi dan social.
 - B. kehalusan budi pekerti.
 - C. pencapaian tinggi dalam semua bidang kehidupan.
 - D. menerima budaya barat dan budaya-budaya yang lain.

2. Berikut adalah persamaan yang dicapai oleh tamadun Islam dan Barat dalam menentukan prinsip-prinsip asas tamadun **kecuali**
 - A. kelahiran.
 - B. kemajuan.
 - C. pencapaian.
 - D. perkembangan.

3. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai hubungan di antara tamadun dengan bangsa.
 - I. Semua tamadun dunia berasaskan bangsa.
 - II. Tamadun Islam sinonim dengan tamadun Arab.
 - III. Tamadun melampaui sempadan geografi dan bangsa.
 - IV. Terdapat tamadun yang mengandungi lebih dari satu bangsa.
 - A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. II dan IV.
 - D. III dan IV.

4. Antara masalah utama keruntuhan tamadun ialah
 - A. sikap tertutup dan nilai moral.
 - B. masalah undang-undang.
 - C. masalah kewangan.
 - D. masalah pertanian.

5. Siapakah yang mempelopori perkataan *Umran* dalam disiplin ilmu ketamadunan?
 - A. Ibnu Sina.
 - B. Ibnu khaldun.
 - C. Muhammad Abduh.
 - D. Muhammad Farid Wajdi.

6. Seorang tokoh yang terkenal dalam Tamadun Islam dan digelar sebagai ‘bapa ilmu ketamadunan” ialah
- A. Ibnu Battuta.
 - B. Ibnu Farabi.
 - C. Ibnu Khaldun.
 - D. Ibnu Khudamah.
7. Kenapa tamadun Islam diiktiraf sebagai tamadun yang agung dalam sejarah peradaban manusia?
- A. Tamadun Islam mempunyai ramuan pembangunan Islam.
 - B. Tamadun Islam adalah tamadun peradaban.
 - C. Tamadun Islam adalah sebuah tamadun yang diasaskan atas landasan agama.
 - D. Tamadun Islam merupakan tamadun masyarakat sedunia.
8. Berikut adalah ciri-ciri keunikan dan keistimewaan tamadun Islam **kecuali**
- A. kesesuaian dengan tabiat semulajadi manusia.
 - B. bersumberkan kepada al-Qur’an al-Karim.
 - C. mempunyai bentuk tetap dan tidak dipengaruhi nafsu.
 - D. tidak terbuka untuk menerima tamadun lain.
9. Tamadun Islam berbeza daripada tamadun Barat kerana Tamadun Islam
- A. diresapi oleh idea-idea berasaskan rasionalisme semata-mata.
 - B. menolak wahyu sebagai sumber ilmu.
 - C. tidak memisahkan ilmu wahyu dengan ilmu intelek.
 - D. tidak berdasarkan tauhid.
10. Antara faktor kejayaan Tamadun Islam ialah
- I. pertembungan antara Tamadun Islam dengan tamadun moden.
 - II. memartabatkan ilmu dan para ilmuan.
 - III. ekonomi yang stabil.
 - IV. kekuatan tentera.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

11. Tamadun Islam bersumberkan
- I. Al-Quran.
 - II. Al-Sunnah.
 - III. warisan tamadun terdahulu.
 - IV. buku-buku tamadun Barat.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
12. Kenyataan yang **tidak** benar mengenai keruntuhan Tamadun Islam ialah
- A. pucuk pimpinan yang kurang berkaliber.
 - B. serangan daripada musuh luar.
 - C. persepakatan aliran fahaman agama.
 - D. semangat perkauman.
13. Pembinaan tamadun Islam bertujuan menjaga maqasid syariah. Manakah antara berikut **tidak menepati** matlamat tersebut?
- A. Memelihara agama.
 - B. Memelihara maruah.
 - C. Memelihara harta.
 - D. Memelihara bangsa.
14. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep keterbukaan Tamadun Islam?
- A. Menerima apa sahaja unsur luaran yang diserap dalam Tamadun Islam.
 - B. Membangunkan semula Tamadun Islam selari dengan kehendak tamadun luar.
 - C. Menerima tamadun luar yang selari dengan nilai Islam.
 - D. Menyesuaikan Tamadun Islam dengan tamadun yang dibawa masuk.
15. Pernyataan berikut adalah **benar** mengenai sumber Tamadun Islam.
- I. Al-Quran bersifat syumul meliputi semua aspek kehidupan manusia.
 - II. Al-Sunnah berperanan sebagai pentafsir kepada kitab suci al-Quran.
 - III. Semua pencapaian tamadun asing diterima sebagai sumber tamadun Islam.
 - IV. Ijtihad mengiktiraf peranan akal secara mutlak dalam tamadun Islam.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, II, III dan IV.

16. Kenyataan berikut adalah benar tentang tamadun Islam **kecuali**
- A. bermula di kota Makkah.
 - B. tertubuhnya kerajaan Islam di Madinah.
 - C. perlantikan Rasulullah SAW. sebagai Nabi
 - D. ramainya di kalangan bangsawan Arab memeluk Islam.
17. Perkara yang paling utama dalam pembinaan Tamadun Islam adalah merujuk kepada
- A. akidah.
 - B. syariah.
 - C. akhlak.
 - D. harta.
18. Kelahiran sesebuah tamadun selalunya dikaitkan dengan kawasan sungai kecuali
- A. India
 - B. China.
 - C. Islam
 - D. Mesopotamia
19. Keunikan akidah Islam boleh digambarkan seperti berikut;
- I. Iman tidak boleh diwarisi.
 - II. Iman diikat dengan ketaatan.
 - III. Iman sentiasa benar dan meyakinkan.
 - IV. Iman tertanan di lubuk hati seseorang.
- A. I, II dan III.
 - B. I, III dan IV.
 - C. II, III dan IV.
 - D. I, II, III dan IV.
20. Kemunculan Tamadun Mesir dikaitkan dengan
- A. Lembah Sungai Nil
 - B. Lembah Tigris dan Euphrates.
 - C. Lembah Sungai Furat dan Dajlah.
 - D. Lembah Ganges dan Brahmaputra.

21. Berikut adalah bukti bahawa al-Quran sangat mementingkan kesejahteraan hidup manusia.
- I. Berbuat baik sesama manusia.
 - II. Menghalalkan fasad.
 - III. Amanah dan kesabaran.
 - IV. Bekerjasama dan tolong menolong dalam perkara makruf dan mungkar.
- A. I dan III.
 - B. I,II dan II.
 - C. I, III dan IV.
 - D. I, II, III dan IV.
22. Kitab *Muqaddimah* merupakan karya agung oleh Ibnu Khaldun. Karya tersebut telah diktiraf sebagai ensiklopedia
- A. ekonomi.
 - B. syariah.
 - C. perubatan.
 - D. sejarah.
23. Tamadun Islam menjadikan pandangan semesta Islam sebagai latarbelakang perkembangan dan kecemerlangannya. Perkara yang ditekankan dalam pandangan semesta Islam ialah
- A. semua makhluk di bumi ini dijadikan sebagai khalifah untuk memakmurkan kehidupan masing-masing.
 - B. manusia adalah utusan Allah yang dijadikan untuk mengendalikan kehidupan di muka bumi ini sebaik mungkin.
 - C. manusia dikehendaki tidak mencampurkan urusan ibadah dengan kehidupan.
 - D. manusia boleh menggunakan akal semaksima yang boleh untuk mengenali siapakah tuhan.

Pilih jawapan yang sesuai di bawah dengan kenyataan yang diberikan di dalam soalan ke-24 sehingga soalan ke-27.

- A. Sempurna.
- B. Sesuai sepanjang zaman.
- C. Tidak membebankan.
- D. Bersifat Rabbani.

24. Syariat Islam tidak dicipta oleh akal dan pengalaman manusia yang bersifat terbatas dan terikat dengan pelbagai pengaruh seperti masa dan tempat.
25. Tiada mana-mana individu boleh melepaskan diri daripada kewajipan mengerjakan ibadat yang pada hakikatnya mampu dilaksanakan oleh semua manusia.
26. Tamadun Islam menolak fahaman sekularisme tetapi mempunyai garis panduan yang tersendiri iaitu *syumuliyah* dalam mengatur kehidupan manusia.
27. Dakwah Islam bersifat sejagat dan merupakan penyebaran rahmat ke seluruh alam.
28. Berikut adalah aspek penekanan jihad dalam tamadun Islam.
- | | |
|-----------------|------------------------|
| I. Jihad nafsu. | III. Jihad peperangan. |
| II. Jihad ilmu. | IV. Jihad politik. |
| A. I dan II. | C. I, II dan IV. |
| B. II dan IV. | D. I, II, III dan IV. |
29. Pandangan semesta Melayu bertitik-tolak kepada
- A. manusia, alam dan kehidupan.
 - B. manusia, jin dan makhluk halus.
 - C. manusia, flora dan fauna.
 - D. manusia dan ternakan.
30. Antara ulamak Pattani yang terkenal ialah
- A. Syeikh Mohd Abduh.
 - B. Syed Syeikh al Hadi.
 - C. Syeikh Daud b. al Fatani.
 - D. Syed Syeikh al Hadi dan Syeikh Mohd Abduh.
31. Antara sistem pendidikan formal di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat ialah
- A. sekolah agama rakyat.
 - B. sekolah pondok.
 - C. sekolah rendah dan menengah.
 - D. sekolah di masjid.

32. Perlembagaan Persekutuan mentakrifkan Melayu sebagai
- I. lazimnya berbahasa Melayu.
 - II. menetap di Tanah Melayu.
 - III. lazimnya mengamalkan adat istiadat Melayu.
 - IV. beragama Islam.
- A. I dan II.
B. I,II dan IV.
C. I, III dan IV.
D. I, II, III dan IV.
33. Berikut adalah monumen keagamaan hasil pengaruh Hindu-Buddha dalam kerajaan Melayu awal **kecuali**
- A. Candi Lembah Bujang.
 - B. Candi Borobodur.
 - C. Empayar Sri Vijaya
 - D. Angkor Wat.
34. Tamadun Melayu merujuk kepada sebuah tamadun yang
- I. dibentuk oleh orang Melayu.
 - II. tertumpu di Asia Tenggara hingga ke Afrika Selatan.
 - III. berbahasa Melayu.
 - IV. menjadikan agama Islam sebagai asas.
- A. I dan II.
B. I dan III.
C. I, III dan IV.
D. I, II, III dan IV.
35. Berikut adalah faktor yang memudahkan proses pengembangan agama Islam di Alam Melayu, **kecuali**
- A. agama yang mudah difahami.
 - B. mengutamakan akhlak dan kehalusan budi.
 - C. menekankan keseimbangan dalam kehidupan.
 - D. menyesuaikan ajarannya dengan semua kepercayaan.

36. Berikut adalah karya-karya yang dihasilkan ketika keagungan Tamadun Melayu.
- I. *Hikayat Raja-raja Pasai.*
 - II. *Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.*
 - III. *Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Hang Tuah.*
 - IV. *Sulalatul Salatin.*
- A. I dan II.
B. II dan III.
C. I, II dan IV.
D. I, II, III dan IV.
37. Berikut merupakan karya persuratan dan tokoh yang menghasilkannya. Pilih padanan yang **salah**.
- A. *Sharabul Ashiqin* oleh Daud Fatani.
 - B. *Taj al-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari.
 - C. *Ilmu Falak* oleh Syeikh Ahmad al-Fatani
 - D. *Tayyib al-Ihsan fi Tibbil Insan* oleh Muhammad Zain al-Fatani.
38. Pilih bentuk kesenian tamadun Melayu yang betul.
- I. Seni tari - Inang.
 - II. Seni muzik - Cak Lempong.
 - III. Seni tenun dan sulam - Pua Kumbu.
 - IV. Seni kulinari - rendang.
- A. I dan II.
B. I, II dan III.
C. I, III dan IV.
D. I, II, III dan IV.
39. Berikut adalah hasil sains dan teknologi dalam tamadun Melayu **kecuali**
- A. Ukuran - relong.
 - B. Timbangan - mayam.
 - C. Sukat - saga.
 - D. Masa - pekan.

40. Tamadun India dianggap tamadun tertua di dunia. Perkara-perkara berikut adalah benar mengenai Tamadun India **kecuali**
- A. mengandungi beberapa aspek sosial, politik, agama dan kesenian yang unik.
 - B. berpusat di Lembah Indus dan terbahagi kepada Indo-Arya dan Dravida.
 - C. masyarakat Dravida berpegang kuat kepada *Saivism* dan *Vaisnavisme*.
 - D. sebahagian besar berbahasa Sanskrit dan bahasa Tamil.
41. Berikut merupakan bahasa-bahasa dan penutur-penutur dalam kalangan masyarakat India. Pilih padanan yang **salah**.
- A. Malayalam oleh masyarakat Sikh.
 - B. Tamil oleh masyarakat Tamil Nadu.
 - C. Kannada oleh masyarakat Karnataka.
 - D. Telugu oleh masyarakat Andhra Pradesh.
42. Susun lapis masyarakat India yang diistilahkan sebagai *Ashrama dharma* terbahagi kepada 4 peringkat. Nyatakan urutan peringkat-peringkat tersebut.
- A. *Brahmacarya, Grahasta, Sannyasa dan Vaprasta*.
 - B. *Brahmacarya, Vaprasta, Grahasta dan Sannyasa*.
 - C. *Brahmacarya, Sannyasa, Grahasta dan Vaprasta*.
 - D. *Brahmacarya, Grahasta, Vaprasta dan Sannyasa*.
43. Berdasarkan sistem kasta dalam Tamadun India, *Ksatriya* adalah golongan
- A. pemerintah.
 - B. peniaga.
 - C. pendidik.
 - D. pekerja.
44. Brahmin merupakan kasta yang mewakili golongan _____ Tamadun India.
- A. pekerja.
 - B. peniaga.
 - C. pemerintah.
 - D. pendita.
45. Pengaruh Tamadun India tersebar di Asia Tenggara melalui bahasa
- A. Telugu dan Malayalam.
 - B. Punjabi dan Kannada.
 - C. Sanskrit dan Tamil.
 - D. Malayalam dan Tamil.

46. Pertembungan Tamadun Islam dengan Tamadun India telah mewujudkan empayar Islam yang unggul di bawah Kesultanan Delhi dan
- A. Aryan. C. Pallava.
B. Moghul. D. Tirukkural.
47. Pemerintahan Shah Jehan (1628-58M) dianggap sebagai zaman keemasan pemerintahan Moghul di India, khususnya dalam bidang ilmu seni bina. Manakah antara berikut merupakan antara pencapaian cemerlang beliau dalam seni bina?
- A. Taj Mahal dan Tahta Merak.
B. Qutb Minar.
C. Fatehpur Shikir.
D. Kota Delhi dan Kota Mumbai.
48. Bangsa Cina digabungkan oleh lima kaum besar yang dikenali dengan nama
- A. Zhonghua Zang. C. Zhonghua Huanxia.
B. Zhonghua Minzu. D. Zhonghua Zhong.
49. Konsep negara dalam tamadun Cina iaitu Zhong Guo membawa pengertian
- A. Negara Tengah. C. Negara Bangsa.
B. Wilayah Tengah. D. Wilayah Jajahan.
50. Bangsa Han dalam Tamadun Cina mengamalkan budaya
- A. Zhong Yen. C. Zhong Hua.
B. Zhong Gio. D. Hua Xia.
51. Kemuncak kegemilangan Islam di China adalah pada zaman dinasti
- A. Han. C. Yuan.
B. Tang. D. Song
52. Pilih mana pernyataan yang **tidak benar** di bawah ini.
- A. Moisme menekankan pemerintahan berdasarkan kebajikan.
B. Doaisme menekankan pemerintahan berdasarkan tabii (*wuwei*).
C. Konfusianisme menekankan pemerintahan berdasarkan akhlak.
D. Aliran Fa menekankan pemerintahan berdasarkan amalan nilai mulia.

53. Antara tokoh Islam yang turut memberi sumbangan seperti ahli pelayaran Cina muslim ialah
- A. *Ma Zhu.* C. *Zheng He.*
B. *Al-Khindi.* D. *Al-Farabi.*
54. Berikut ialah ancaman utama yang dihadapi masyarakat tamadun Islam dan Asia, **kecuali**
- A. globalisasi. C. imperialism baru.
B. hegemoni Barat D. kebangkitan China.
55. Pernyataan manakah yang tiada kaitan dengan fenomena globalisasi.
- A. Penyebaran maklumat berlaku secara mudah dan meluas.
B. Negara-negara kecil menghadapi serangan budaya daripada Negara maju.
C. Berlaku lambakan barangan berteknologi rendah ke Negara Dunia Ketiga.
D. Rakyat dari mana-mana negara di dunia bebas bergerak ke mana sahaja.
56. Bagaimana Amerika Syarikat memanfaatkan proses globalisasi untuk kepentingan nasionalnya.
- I. Melalui agensi-agensi antarabangsa.
II. Melalui syarikat-syarikat multi-nasional milik mereka.
III. Melalui penjajahan.
IV. Melalui hubungan diplomatik.
- A. I dan II.
B. I, II dan III.
C. II, III dan IV.
D. I, II, III dan IV.
57. Bagaimanakah media berperanan dalam menyebarkan hegemoni Barat?
- A. Menyebarluaskan persepsi Barat dalam semua peristiwa yang berlaku.
B. Menguasai media-media tempatan melalui penguasaan ekonomi.
C. Menyebarkan berita yang benar dan menarik kepada masyarakat dunia.
D. Mewujudkan persaingan sihat dengan agensi berita tempatan.

58. Apakah faktor-faktor utama Amerika Syarikat memusuhi negara-negara Islam dan Asia yang tidak sehaluan dengannya?
- A. Bimbang pengaruh hegemoninya akan merosot.
 - B. Bimbang potensi negara berkenaan mampu mencabar hegemoninya.
 - C. Takut penguasaan ekonominya dirampas negara lain.
 - D. Negara-negara tersebut bertujuan menjatuhkan Amerika Syarikat.
59. Berikut ialah faktor-faktor kelemahan masyarakat Islam kini, **kecuali**
- A. ukhuwah Islamiah yang kurang mantap antara negara-negara Islam.
 - B. kurang memberi tumpuan kepada aspek pembangunan sains dan teknologi.
 - C. sumber-sumber ekonomi dunia dikawal oleh kuasa Barat yang mencurigai Islam
 - D. majoriti Negara Islam adalah miskin dan kurang mempunyai sumber alam
60. Apakah kekangan utama dalam menghidupkan dialog peradaban dalam masyarakat?
- A. Sikap segolongan masyarakat yang menganggap dialog sebagai ancaman kepada kepentingan mereka.
 - B. Dialog boleh membuka ruang kepada pihak-pihak tertentu menyebarkan isu-isu sensitif.
 - C. Tahap pemikiran dan kefahaman masyarakat berbilang kaum yang jauh berbeza.
 - D. Dialog peradaban akan membuka ruang kepada sesuatu pihak untuk menguasai pihak lain.

KERTAS SOALAN TAMAT